

KEKOSONGAN JAWATAN

PENSYARAH PERGIGIAN (TETAP) DI PUSAT PENGAJIAN SAINS PERGIGIAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

- I. PENSYARAH PERGIGIAN GRED DUG13 / DUG14 / DUG15 / GRED KHAS C
- II. PENSYARAH PERGIGIAN PELATIH GRED DUG13P

BIDANG

PROSTODONTIK

I. PENSYARAH PERGIGIAN GRED KHAS C

1. KELAYAKAN

- i. Warganegara Malaysia yang mempunyai kelulusan Ijazah Kepakaran Klinikal dalam bidang Prostodontik atau yang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia, **DAN**
- ii. Memperolehi kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

2. SYARAT MINIMA

- i. 20 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/ Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan:
 - Sepuluh (10) penerbitan dalam Q1/Q2

ATAU

Sekurang-kurangnya 15 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/ Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** kombinasi lima (5) penerbitan bab buku penyelidikan dan buku penyelidikan.

DAN

- ii. Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM200,000.
- iii. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum dua (2) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- iv. Mengijazahkan minimum dua (2) pelajar PhD sebagai PENYELIA UTAMA.
- v. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan **DAN** dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat antarabangsa.

- vi. Mempunyai perundingan luar (termasuk *contract research* / latihan / perkhidmatan atau sebarang bentuk penajaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM100,000.
- vii. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penglibatan di peringkat Universiti **dan** tiga (3) penglibatan di peringkat kebangsaan/antarabangsa.

3. KRITERIA TAMBAHAN

- i. Pengalaman klinikal dalam bidang kepakaran berkaitan.
- ii. Pengalaman mengajar.
- iii. Rekod penyelidikan yang baik.

II. PENSYARAH PERGIGIAN DUG13 / DUG14 / DUG15

1. KELAYAKAN

- i. Warganegara Malaysia yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pergigian dan Ijazah Sarjana dalam bidang Prostodontik berkaitan serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia; **DAN**
- ii. Memperolehi kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

2. SYARAT MINIMA DUG14 / DUG15

- i. 10 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan:
 - Lima (5) penerbitan dalam Q1/Q2

ATAU

Sekurang-kurangnya enam (6) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** empat (4) penerbitan bab buku penyelidikan atau satu (1) buku penyelidikan.

DAN

- ii. Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM100,000.
- iii. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 5 tahun.
- iv. Mengijazahkan minimum satu (1) pelajar PhD sebagai PENYELIA UTAMA.
- v. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan.
- vi. Mempunyai perundingan luar (termasuk *contract research* / latihan / perkhidmatan atau sebarang bentuk penajaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM40,000.
- vii. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penglibatan di peringkat Universiti **dan** dua (2) penglibatan di peringkat kebangsaan/antarabangsa.

3. SYARAT MINIMA DUG13

Sekurang-kurangnya empat (4) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*)

4. KRITERIA TAMBAHAN

- i. Pengalaman klinikal dalam bidang kepakaran berkaitan.
- ii. Pengalaman mengajar.
- iii. Rekod penyelidikan yang baik.

SPESIFIKASI TUGAS PENSYARAH PERGIGIAN DUG13 / DUG14 / DUG15 / GRED KHAS C

- i. Bertanggungjawab sebagai penyelaras kursus bagi program akademik di Pusat Pengajian Sains Pergigian.
- ii. Keutamaan diberikan kepada calon yang boleh menyelia pelajar MSc/PhD, menjalankan penyelidikan serta penerbitan dalam bidang Prostodontik.
- iii. Bertanggungjawab untuk merawat pesakit (Perkhidmatan Klinikal).
- iv. Terlibat dalam pelbagai tugas dan perkhidmatan berkaitan universiti, komuniti, industri, aktiviti perundingan, pengkomersialan, serta kepimpinan akademik.

III. PENSYARAH PERGIGIAN DUG13P

1. KELAYAKAN

- i. Warganegara Malaysia yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pergigian serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia; **DAN**
- ii. Memperolehi kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

2. SYARAT MINIMA

- i. Syarat minimum memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan; dan
- ii. Penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang baik.

3. SPESIFIKASI TUGAS PENSYARAH PERUBATAN PELATIH DUG13P

- i. Bertanggungjawab merancang dan mendapatkan tempat pengajian Sarjana dalam bidang Prostodontik di institusi pengajian tinggi di dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh Majlis Pergigian Malaysia.
- ii. Terlibat dalam aktiviti asas pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Menyertai aktiviti perkhidmatan, khidmat komuniti dan program *outreach* yang dianjurkan oleh pusat pengajian.
- iv. Melibatkan diri dalam kursus latihan, bengkel dan aktiviti pembangunan profesional ke arah kepakaran dalam bidang berkaitan.

CARA MEMOHON

Majukan secara email borang permohonan perjawatan yang boleh didapati di laman sesawang Pusat Pengajian Sains Pergigian, Kampus Kesihatan <https://dental.usm.my> dan sertakan butiran jaya diri (CV) dan dokumen-dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya **23 Ogos 2026** kepada:

**Dekan
Pusat Pengajian Sains Pergigian
Universiti Sains Malaysia
16150 Kubang Kerian
Kelantan
Emel : dental@usm.my**

Nota: Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.